

## **Kepentingan elemen *beat sheet* dalam struktur naratif filem aksi**

### **ABSTRAK**

Kajian ini akan merungkaikan kepentingan elemen *beat sheet* dalam sesebuah filem aksi. Penggunaan *beat sheet* adalah bertujuan untuk mengetahui elemen dan struktur naratif dalam sesebuah adegan yang seterusnya menyokong dalam membangunkan sesebuah filem genre aksi. Kaedah kualitatif yang digunakan adalah untuk menentukan elemen *beat sheet* dalam sesebuah cerita. Black Snyder's (2010) menyarankan bahawa elemen-elemen skrip yang juga dipanggil sebagai *beat sheet* perlu dihasilkan dengan lebih tersusun dan sempurna untuk memastikan penghasilan sesebuah skrip filem yang berkualiti dan seterusnya mampu menjadikan sesebuah filem itu mencapai kutipan box office semasa tayangannya. Stail adalah melihat kepada bahasa filem yang digunakan dalam sesebuah adegan yang merangkumi audio, shot, penyuntingan dan aspek *mise en scene* yang lain. Namun elemen *beat sheet* harus dititikberatkan oleh penulis skrip dalam penghasilan sesebuah filem. Penulis skrip harus peka dan tahu susunan elemen *beat sheet* dalam sesebuah filem agar penceritaan sesebuah filem mencapai matlamat yang diinginkan. Pelbagai kajian telah dibuat berhubung dengan penghasilan skrip filem di Malaysia. Namun tiada penekanan pada elemen *beat* dalam sesebuah filem. Justeru, artikel ini akan memfokuskan kepada kepentingan elemen *beat sheet* dan struktur naratif dalam sesebuah skrip filem aksi. Analisis dilakukan dengan membincangkan secara lebih terperinci berdasarkan kepada kaedah analisis menerusi penontolan berterusan dengan melihat secara *stop motion* iaitu meneliti *frame by frame* gambar dalam setiap adegan di dalam beberapa buah filem aksi luar Negara.